

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG HON HAI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 11 JULAI 2019 KHAMIS**

**SOALAN**

**Tuan Wong Hon Hai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status diplomatik semasa dengan Timor Leste dan adakah Malaysia akan menyokong kemasukan Timor-Leste sebagai negara ASEAN ke-11.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia adalah antara beberapa negara yang paling awal mengiktiraf dan menubuhkan hubungan diplomatik dengan Demokratik Republik Timor-Leste setelah ia mencapai kemerdekaannya daripada Republik Indonesia pada 20 Mei 2002. YAB Tun Dr Mahathir Mohamad juga adalah antara pemimpin dunia yang pertama melawat Demokratik Republik Timor-Leste iaitu pada 22 hingga 23 Oktober 2003. Malaysia juga telah membuka pejabat Kedutaannya di Dili pada 13 April 2001 dan Demokratik Republik Timor-Leste pula membuka pejabat Kedutaannya di Kuala Lumpur pada 7 Ogos 2002.

3. Hubungan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Demokratik Republik Timor-Leste merangkumi pelbagai bidang termasuklah ekonomi, keselamatan, kesihatan dan pembangunan sumber manusia.

Timor-Leste juga merupakan antara negara penerima tawaran kursus teknikal kepada kakitangan awamnya melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Bagi tahun 2018, seramai 12 orang kakitangan awam dari Timor-Leste telah mengikuti 9 kursus yang disediakan meliputi pelbagai bidang teknikal.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada keakraban yang sedia terjalin ini, Malaysia menyokong kemasukan Timor-Leste sebagai Anggota Baru ASEAN memandangkan ia terletak di dalam rantau geografi Asia Tenggara. Ini adalah selaras dengan Perkara 6 dalam Perlembagaan ASEAN (*ASEAN Charter*) mengenai Penerimaan Anggota Baru ASEAN. Ini juga selaras dengan prinsip ASEAN terutamanya Malaysia yang berpegang kepada konsep dan prinsip "*Prosper thy neighbour*" (memakmurkan jiran).
  5. Sebagai tambahan, saya sendiri telah berpeluang untuk menyampaikan sokongan Malaysia kepada Timor-Leste secara terus sewaktu lawatan TYT Dr Dionisio da Costa Babo Soares, Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Timor-Leste ke Malaysia pada 1 hingga 2 Julai 2019 lalu. Saya telah memaklumkan bahawa Malaysia sentiasa konsisten dengan pendiriannya dalam menyokong Timor-Leste untuk menyertai ASEAN sejak permohonan mereka pada 8 tahun yang lalu. TYT Soares menyatakan penghargaan terhadap sokongan Malaysia dan memaklumkan bahawa kemajuan bagi memenuhi syarat-syarat penyertaan sebagai negara ASEAN telah dan sedang dilaksanakan dengan lebih pesat.
  6. Dari sudut dua hala pula, perjumpaan dengan TYT Soares juga telah membuka peluang-peluang di sektor ekonomi, pembinaan, kesihatan dan "air-services" untuk kedua-dua buah negara. Beliau mempelawa lebih ramai pelabur Malaysia masuk ke Timor-Leste untuk meneroka peluang dalam membantu negara tersebut dalam sektor pembangunan.
- Sekian, terima kasih.